

13/05/2002

SPR bersedia kendali pilihan raya awal

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bersedia mengadakan pilihan raya umum pada bila-bila masa sekiranya Parlimen dibubarkan lebih awal.

Pengerusinya, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman (gambar), berkata SPR tidak mempunyai halangan mengendalikan pilihan raya umum lebih awal kerana itu memang menjadi tanggungjawabnya.

Bagaimanapun, katanya, kerusi baru yang akan diwujudkan berikutan persempadanan semula kawasan, tidak boleh dipertandingkan jika pilihan raya umum itu diadakan sebelum pertengahan tahun depan.

"Namun, kami harap persempadanan semula yang sedang dilakukan boleh siap sebelum pilihan raya umum akan datang.

"Persempadanan semula itu akan siap menjelang pertengahan tahun depan. Ini bermakna ia hanya boleh digunakan selepas tarikh itu," katanya kepada pemberita ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi bayangan kemungkinan pilihan raya umum akan datang diadakan lebih awal sambil memberi amaran kepada parti pembangkang bahawa Barisan Nasional (BN) akan mendapat majoriti kemenangan lebih besar.

Inilah bayangan paling kuat diberikan oleh Perdana Menteri mengenai pilihan raya itu. April lalu, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, beliau menyatakan tidak akan terburu-buru mengadakan pilihan raya umum lebih awal meskipun sokongan terhadap kerajaan BN kini terus meningkat.

Pada pilihan raya umum 1999, BN mengekalkan majoriti lebih dua pertiga di Parlimen, undi yang diperlukan bagi meminda perlembagaan. Gabungan 14 parti itu memenangi 148 daripada 193 kerusi yang dipertandingkan. Tempoh kerajaan sekarang akan berakhir pada November 2004.

Abdul Rashid berkata, jika pilihan raya umum diadakan sebelum pertengahan tahun depan, sebanyak 194 kerusi akan dipertandingkan iaitu tambahan satu kerusi baru Putrajaya.

Bagaimanapun, beliau enggan memberitahu jumlah kerusi baru yang bakal diwujudkan berikutan kerja persempadanan semula hanya selesai pertengahan tahun depan.

"Saya akan umumkan jumlah itu Julai ini. Kita juga berusaha untuk mendaftar kira-kira 1.2 juta rakyat yang layak sebagai pengundi tetapi belum mendaftarkan diri," katanya.

Cadangan mengenai persempadanan semula kawasan pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Semenanjung dan Sabah akan dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan sebelum Ogos ini.

Sarawak dikecualikan kerana sudah melakukannya tiga tahun lalu, berbanding di Semenanjung dan Sabah yang sudah lebih lapan tahun tidak membuat persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Antara yang menarik perhatian dalam pilihan raya umum akan datang ialah kerusi baru Putrajaya. Parti pembangkang Pas, awal-awal lagi sudah menyatakan kesediaan bertanding di situ dan dijangka mencalonkan wanita.

(END)